

buletin *Selayangku Sayang*

DITERBITKAN OLEH
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
NASKAH PERCUMA

EDISI
MEI - OGOS 2023
02/2023



RUMAH TERBUKA ALDILFITRI MALAYSIA MADANI



03

Tahniah YDP MPS
atas Penganugerahan
Anugerah Perkhidmatan
Cemerlang



10

Majlis Rumah Terbuka
Aldilfitri Madani
Malaysia 2023



12

Majlis Mesra Aldilfitri
Warga MPS 2023

DARI MEJA YDP

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT
YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi
ydp@mps.gov.my

YBRs. Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi
tydp@mps.gov.my

KETUA PENGARANG
En. Mohamad Zin bin Masoad
mzin.masoad@mps.gov.my

PENOLONG KETUA PENGARANG
En. Ahmad Fauzi bin Ishak
ahmadfauzi.ishak@mps.gov.my

PENGARANG
Cik Nurul Awanis binti Muridan
nurulawanis@mps.gov.my
Pn. Norhatikah Nabila binti Masri
norhatikahnabila.masri@mps.gov.my
Pn. Norhasliza binti Hassan
norhasliza.hassan@mps.gov.my

PEREKA LETAK
En. Mohd Afzairis bin Naseri
mafzairis.naseri@mps.gov.my
Cik Nurshahira Najihah binti Abd Rashid
nurshahira_najihah @mps.gov.my

JURUFOTO
Pn. Anissapinah binti Mohd Dan
anissapinah.mohddan@mps.gov.my
En. Mohamad Khairun bin Roslan
mkhairun.roslan@mps.gov.my

DITERBITKAN OLEH
Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang

TERBITAN
3 Kali Setahun

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

No. Tel: 03 6126 5800 No. Faks: 03 6138 2728
E-mel: aduanmps@mps.gov.my
Talian Bebas Tol: 1800-222-677

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah segala pujian dan syukur kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya Buletin Sayangku Selayang Bil.2/2023 dapat diterbitkan.

Di kesempatan ini saya ingin menzahir dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari atas pelantikan sebagai Dato' Menteri Besar Selangor yang ke-17. Saya juga merakamkan tahniah atas kejayaan keputusan pilihan raya negeri yang lalu yang memberi mandat sekali lagi kepada YAB Dato' Seri untuk mentadbir Kerajaan Negeri Selangor.

Semoga YAB Dato' Menteri Besar Selangor dan barisan EXCO sentiasa di bawah rahmat dan lindungan kasih sayang Allah SWT serta diberi kekuatan untuk menerajui dan mentadbir Negeri Selangor agar lebih makmur dan bertambah maju.

Saya menyeru kepada semua penduduk di bawah pentadbiran MPS, tidak kira agama, bangsa dan budaya agar mengutamakan kesejahteraan hidup bersama secara aman dan damai. Adalah penting bagi kita menghayati semangat kenegaraan yang membantu kita mencapai kemerdekaan demi kepentingan bersama dan masa depan negara.

Bersempena dengan sambutan Bulan Kebangsaan pada tahun ini, MPS telah mengadakan Kempen Kibar Jalur Gemilang. Tahniah dan terima kasih kepada semua pemilik rumah kediaman yang telah menghias rumah dan mengibarkan Jalur Gemilang menerusi Program Semangat Patriotik Saya.

Akhir kata, Selamat Menyambut Hari Kebangsaan yang ke-66. Tekad Perpaduan Penuhi Harapan.



(YBHGS. DATO' MOHD YAZID B. SAIRI D.S.I.S)

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

TAHNIAH YBHG. DATO' MOHD YAZID BIN SAIRI, YDP MPS ATAS PENGANUGERAHAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

SEKALUNG tahniah diucapkan kepada YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS atas penganugerahan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2022 yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor pada 16 Mei 2023 di Hotel Concorde, Shah Alam.



PELANCARAN VIDEO PELANCONGAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

BAGI mempromosikan sektor pelancongan di bawah pentadbiran Selayang, MPS telah melancarkan video pelancongan yang diadakan dalam Majlis Perhimpunan Bulan Mei Peringkat MPS pada 31 Mei 2023 di lobi menara MPS.

Pelancaran telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS disaksikan oleh Yang Dihormatkan Tan Sri Paduka Raja Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Kaya Maha Bijaya

Orang Besar Daerah Gombak bersama Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS.



Sila imbas kod QR di atas untuk melihat video pelancongan MPS

TRADISI REWANGGAMIT KENANGAN

Program Rewang Sekampung sempena Rumah Terbuka Malaysia Madani dan Jelajah #KitaSelangor Aidilfitri Daerah Gombak telah diadakan pada 14 Mei 2023 di Taman Seri Gombak. Program anjuran

Pejabat Daerah dan Tanah Gombak ini bertujuan untuk menghidupkan semula amalan tradisi dalam kalangan masyarakat. Antara tetamu yang hadir ialah YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar

Selangor, YBrs. Puan Nor Azlina binti Abdul Aziz, Pegawai Daerah Gombak, YB Tuan Chua Wei Kiat, ADUN Rawang, YB Tuan Haji Saari bin Sungib, ADUN Hulu Kelang dan YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS.



LAWATAN PANEL PENILAI ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC)

Panel Penilai Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan lawatan ke MPS pada 13 Februari 2023. Seramai 12 orang panel penilai telah membuat penilaian bagi mengukur kecemerlangan perkhidmatan organisasi dan memperkasa peranan serta akauntabiliti dalam organisasi sepanjang tahun 2022.



PERKONGSIAN AMALAN EKSA

JAWATANKUASA Induk Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah mengadakan lawatan Penanda Aras ke MPS pada 13 Julai 2023.

Objektif lawatan ini adalah untuk mempelajari kaedah pelaksanaan EKSA, melakukan pemerhatian, mempelajari strategi-strategi yang diguna pakai dan memahami cabaran-cabaran yang perlu diuruskan dalam pelaksanaan EKSA.



LAWATAN INSPEKTORAT PEMATUHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN

LAWATAN Inspektorat Pematuhan Keselamatan Perlindungan bagi Tahun 2023 oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKK) Negeri Selangor ke MPS telah dibuat pada 27 Julai 2023. Pasukan Inspektorat KPKK Negeri Selangor diketuai oleh Puan Nurul Adha binti Yahya, Penolong Pengarah Pejabat KPKK Negeri Selangor bersama Encik Noor Hanizam bin Baharudin dan

Encik Mohd Hafizie bin Ruslan.

YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS telah mempengerusikan mesyuarat pembukaan inspektorat. Acara disusuli dengan sesi perbincangan dan semakan serta lawatan ke bahagian dan unit yang berkaitan oleh pasukan inspektorat.



AINS CETUS IDEA KREATIF DAN INOVASI

PENILAIAN awal Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) 2023 telah diadakan di MPS pada 24 Ogos 2023. Sebanyak 17 kumpulan yang terdiri daripada Sektor Awam, Sektor Swasta, Akar Umbi, Sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi telah mempersembahkan idea dan projek inovasi mereka. Proses penilaian telah dilakukan oleh tiga orang panel dari pejabat SUK Negeri Selangor.



MESUARAT AHLI JAWATANKUASA TERTINGGI BIL.2/1/2022 - 2024 PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA (PBBM)

MPS telah dipilih selaku tuan rumah Mesuarat Ahli Jawatankuasa Tertinggi Bil.2/1/2022 – 2024 Persatuan Badan Berkunun Malaysia (PBBM) yang diadakan pada 1 Jun 2023 di Dewan Simfoni, Taman Rimba Bukit Lagong. Mesuarat yang dipengerusikan YBhg. Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor,

Yang Dipertua PBBM ini dihadiri seramai 17 AJK. Mesuarat ini turut dihadiri YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS dan wakil-wakil daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri, Bank Simpanan Nasional, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, PERKESO, Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Institut Sukan Negara.



LAWATAN MAJLIS DAERAH KAMPAR

MAJLIS Daerah Kampar telah mengadakan lawatan ke MPS pada 6 Jun 2023. Encik Muhammad Noor Salehuddin bin Kamis, Timbalan Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS menyampaikan taklimat berkaitan Skuad Bencana dan Pengurusan Kenderaan Terbiar. Rombongan dibawa melawat depoh simpanan kenderaan bagi melihat keadaan sebenar dan tatacara pelupusan kenderaan terbiar.



KUNJUNGAN SUK PERLIS KE SELAYANG GEO PARK

KERAJAAN Negeri Perlis telah mengadakan kunjungan ke MPS pada 11 Julai 2023 bagi lawatan penanda aras Gombak-Hulu Langat Geopark. Lawatan ini bertujuan untuk membantu memperkuuh persediaan kerajaan Negeri Perlis dalam menjalani sesi penilaian kebangsaan yang diadakan pada September 2023. Deligasi dibawa melawat Galeri Batu Arang, tapak lombong arang batu, Sekolah Kebangsaan Batu Arang, Gua Ekstrem Wira Damai dan Gua Batu Caves yang diiktiraf sebagai Geopark Kebangsaan ke-7 di bawah Program Pembangunan Geopark Malaysia.



TAKLIMAT DAN DIALOG ANTIRASUAH & MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) KONTRAKTOR MPS BERSAMA SPRM NEGERI SELANGOR

PROGRAM Taklimat dan Dialog Antirasuah dalam Perolehan Kerajaan dan Majlis Ikran Bebas Rasuah (IBR) telah diadakan oleh Kontraktor Lantikan MPS bersama SPRM Negeri Selangor pada 23 Mei 2023 di Dewan Beringin, Taman Seri Gombak.

Taklimat dan Sesi Dialog Antirasuah bertajuk “Perangi Rasuah, Tanggungjawab Bersama” disampaikan oleh Tuan PKPj. Ridzuan bin Abd Malek, Timbalan Pengarah (Pencegahan) SPRM Negeri Selangor. Seramai 150 orang wakil kontraktor lantikan MPS menghadiri program yang julung-julung kali diadakan ini.



LAWATAN KERJA JPSPK KE PUSAT PENGKOMPOSAN SISA MAKANAN & KEBUN KOMUNITI

JABATAN Pengurusan Sisa Pepejal & Kesihatan MPS telah mengadakan lawatan kerja ke Pusat Pengkomposan Sisa Makanan di Pasar Moden Seksyen 6 Shah Alam dan Kebun Komuniti Surau al-Husna, Seksyen 20, Shah Alam pada 26 Julai 2023. Lawatan ini bertujuan untuk mempelajari dan berkongsi pengalaman berkaitan aktiviti pengkomposan sisa makanan yang dijalankan di kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam.

Taklimat mengenai pengkomposan sisa makanan telah disampaikan oleh Cik Nor Fazliena Adleen binti Ahmad, Penolong Pegawai Kesihatan Persekutaran (Kanan), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam MBSA.



PROGRAM SARINGAN KESIHATAN (HSP) 3.0 PERKESO UNTUK KAKITANGAN MPS

KUMPULAN Megaklinik Zahran dengan kerjasama MPS telah mengadakan Program Saringan Kesihatan (HSP) 3.0 di bawah kendalian PERKESO pada 8 Ogos 2023 di Menara MPS. Seramai 38 orang kakitangan MPS berumur 40 tahun ke bawah dan mencarum PERKESO telah menyertai program ini di mana sesi mengambil sejarah pesakit (*history taking*) dan pengumpulan sampel darah serta air kencing dilakukan.



TAKLIMAT PETUGAS PRN 15

TAKLIMAT kepada petugas Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Selangor ke-15 (PRN 15) bagi kerusi N.13 Kuang, N.14 Rawang dan N.15 Taman Templer telah diadakan pada 19 hingga 22 Jun 2023 di Dewan Seri Siantan. Seramai 2383 orang petugas terlibat dalam taklimat yang diberikan oleh Pasukan Penceramah daripada Pejabat Pilihan Raya Negeri Sarawak.



PENAMAAN CALON PRN 15

PROSES penamaan calon PRN 15 bagi kerusi N.13 Kuang, N.14 Rawang dan N.15 Taman Templer telah diadakan pada 29 Julai 2023 di Lobi Menara MPS. Seramai tiga orang calon untuk N.13 Kuang, dua orang calon untuk N.14 Rawang dan tiga orang calon untuk N.15 Taman Templer telah diumumkan oleh Pegawai Pengurus Pilihan Raya bagi kawasan tersebut.



KEPUTUSAN PRN 15

SESI penjumlahan undi rasmi PRN 15 bagi kerusi N.13 Kuang, N.14 Rawang dan N.15 Taman Templer telah diadakan pada 12 Ogos 2023 di Lobi Menara MPS. Calon yang mendapat kemenangan ialah YB Mohd Rafiq Abdullah (PN - N.13 Kuang), YB Chua Wei Kiat (PH - N.14 Rawang) dan YB Anfaal Saari (PH - N.15 Taman Templer).



MBJ MPS PEROLEH SIJIL KEAKTIFAN MBJ TAHUN 2022

KONVENSYEN Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor anjuran Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 4 Julai 2023 di Dewan Bankuet, Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah.

Pada majlis ini, MPS telah menerima Sijil Keaktifan MBJ 2022 daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kerana telah berjaya melaksanakan Mesyuarat MBJ mengikut takwim yang telah ditetapkan JPA melalui HRMIS.



ULANG TAHUN KE-6 ANULAE CAWANGAN MPS

SEMPENA Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia (ANULAE) Cawangan MPS yang ke-8, satu Majlis Bacaan Yasin, Tahliil dan Doa Kesyukuran telah diadakan pada 25 Ogos 2023 di Dewan Keraian, Menara MPS.

Bacaan Yasin diketuai oleh Encik Mohd Asmadi bin Abdullah daripada Jabatan Pusat Setempat dan Encik Muhammad Zulhelmy bin Sapawi daripada Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan. Turut hadir pada majlis ini YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS, Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS, Puan Ruzani binti Sohot, Pengurus ANULAE MPS dan para pengarah jabatan MPS.

Sesi serahan sumbangan khairat kematian kepada tiga orang wakil kakitangan MPS dan penyerahan sumbangan konvoi motosikal kakitangan MPS ke Thailand turut diadakan.



JUALAN AGRO MADANI

ANULAE Cawangan MPS dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah menganjurkan Jualan Agro Madani pada 8 Jun 2023 di Pekarangan Menara MPS. Lebih 350 orang pengunjung hadir membeli barang seperti telur, ayam dan sayur-sayuran dengan harga yang berpatutan. YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS dan Encik Noh bin Nik Wan, Pengarah FAMA Wilayah Persekutuan telah berkesempatan meninjau tapak jualan.



35,000 SERBU RUMAH TERBUKA ALDILFITRI MALAYSIA MADANI 2023

LEBIH 35 ribu tetamu hadir memeriahkan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia Madani sempena Majlis Rumah Terbuka Jelajah #KitaSelangor Aidilfitri Daerah Gombak yang diadakan di Taman Seri Gombak pada 14 Mei 2023.

Majlis yang bermula jam 8:00 malam itu turut dimeriahkan dengan kehadiran YAB Dato'

Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia bersama Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin bin Shari.

Hadir sama barisan menteri kabinet, pimpinan negeri, ketua-ketua jabatan di peringkat persekutuan dan negeri serta wakil-wakil agensi kerajaan dan swasta.





MAJLIS MESRA



Aidilfitri

WARGA KERJA MPS

KEMERIAHAN sambutan Aidilfitri di MPS pada tahun ini disambut lebih meriah bersama ahli keluarga dalam Majlis Mesra Aidilfitri Warga Kerja MPS 2023 pada 19 Mei 2023. Majlis yang berlangsung di pekarangan Menara MPS ini turut dihadiri YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Pegawai Kanan Pentadbiran Negeri Selangor, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negeri, YDP PBT Selangor, wakil dari agensi daerah Gombak dan Ahli Majlis MPS.



رسمیہ برسام

Aidilfitri 2023

Pelbagai juadah dihidangkan sendiri oleh kakitangan dari setiap jabatan MPS sekali gus menjadikan suasana majlis Aidilfitri kali ini lebih bermakna. Turut diadakan acara penyampaian hadiah kepada semua gerai hidangan, pertandingan OOTD Raya kategori keluarga, king dan queen serta hadiah cabutan bertuah. Majlis ini turut dimeriahkan dengan persembahan artis popular seperti kumpulan D'Xoras, Ady WOW dan Shafie Rio.



Sila imbas kod QR untuk melihat koleksi gambar Majlis Mesra Aidilfitri Warga MPS 2023



سجتها • ما

KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG SEMPENA HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA 2023

KEMPEN Kibar Jalur Gemilang sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023 telah diadakan semasa Majlis Perhimpunan Bulan Ogos Peringkat MPS pada 15 Ogos 2023 di Dataran MPS. YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS telah merasmikan kempen ini dengan penyerahan kemeja-T Hari Kebangsaan untuk dipakai oleh kakitangan MPS pada setiap hari Jumaat sepanjang kempen berlangsung.

Dato' YDP turut menyempurnakan pelancaran acara pemasangan Jalur Gemilang pada tiga buah kenderaan rasmi MPS yang baharu iaitu sebuah kereta elektrik (EV) dan dua buah van. Selain itu, diadakan juga serahan bendera kepada ketua-ketua WHIP dan Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP selaku wakil kakitangan MPS sebagai simbolik bagi Kempen Kibar Jalur

Gemilang. Majlis diakhiri dengan nyanyian lagu Jalur Gemilang oleh seluruh warga MPS.

Hadir sama Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS, barisan Ahli-ahli Majlis MPS, para pengarah MPS dan warga kerja MPS.



PROGRAM CSR PENANAMAN POKOK RIZAB JALAN DENGAN KERJASAMA DAIKIN MALAYSIA, I-GREEN LANDSCAPE DAN PRO T

PROGRAM tanggungjawab sosial korporat (CSR) Penanaman Pokok Rizab Jalan telah diadakan pada 19 Ogos 2023 di Bukit Rahman Putra, Sg. Buloh dengan kerjasama Daikin Malaysia, I-Green Landscape dan Pro T. Majlis yang telah dirasmikan oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS ini memfokuskan kepada penanaman pokok di kawasan tanah rizab. Seramai 90 orang peserta telah menanam sejumlah 6 pokok salam dan 1700 pokok renek jenis kesinai dan jasmin.

Turut hadir Mr. Mitsuo Honda, Naib Presiden Kanan, Daikin Malaysia Sdn. Bhd., Encik Tan Yong Cheem, Naib Presiden, Daikin Malaysia Sdn. Bhd., Encik Lim Fuang Yong, Pengarah Urusan, I-Green Landscape Sdn. Bhd., Encik Muhammad Nur Aizat bin Hairuddin, Pengarah Projek, PRO T Sdn. Bhd., Tuan Ng Kok Chuan, Ahli Majlis Zon 22 MPS dan para pengarah jabatan MPS.



PROGRAM GOTONG-ROYONG MPS DENGAN KERJASAMA SEKOLAH KEBANGSAAN BANDAR BARU SELAYANG (2)

PROGRAM Gotong-royong Majlis Perbandaran Selayang dengan kerjasama Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Selayang (2), Kolej Komuniti Selayang, Persatuan Penduduk Dataran Templer B dan Kakitangan Kuarters MPS telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS pada 19 Ogos 2023 di Laluan Persiaran 2, Bandar Baru Selayang.

Program ini diadakan bagi melakukan pengindahan kawasan rekreasi, kawasan berdekatan sekolah dan perumahan serta membaik pulih persekitaran. Ini bagi membolehkan laluan tersebut digunakan untuk aktiviti-aktiviti kecergasan fizikal dan rekreasi selain dijadikan laluan pejalan kaki dan pengangkutan tidak bermotor.

Turut hadir Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS, Puan Dayang Fauziah binti Awang Ismail, Guru Besar SK Bandar Baru Selayang (2), YBhg. Dato' Khairul Walid bin Mohamed, Yang Dipertua PIBG SK Bandar Baru Selayang (2), Tuan Brig. Jen. (Bersara) Haji Mohd Badran bin Ismail, Pengurus Persatuan Penduduk Dataran Templer B, Encik Khairy bin Samingan, Pengurus Kuarters Kakitangan MPS dan para pengarah MPS.



CADANGAN DEWAN KOMUNITI DAN RUMAH PENJAWAT AWAM DI BBS

YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah menyempurnakan Majlis Perasmian Reka Bentuk Dewan Komuniti dan Rumah Penjawat Awam pada 24 Julai 2023 di Lobi Menara MPS.

Projek pembinaan Dewan Komuniti dan Rumah Penjawat Awam di Bandar Baru Selayang ini merupakan inisiatif kolaboratif antara Kerajaan Negeri Selangor dan pihak Pemaju Aura Kemuncak Sdn. Bhd. dengan kerjasama MPS.

Hadir sama pada majlis ini ialah YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) merangkap Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri Selangor (UPEN), Puan Cannis Chan, Pengarah Aura Kemuncak Sdn. Bhd., Puan Nor Azlina binti Abd Aziz, Pegawai Daerah Gombak, Ahli-ahli Majlis MPS, wakil-wakil jabatan dan agensi kerajaan, para pengarah dan kakitangan MPS.



381 KILOGRAM MINYAK MASAK TERPAKAI BERJAYA DIKUMPUL DALAM PROGRAM KITAR SEMULA

SEBANYAK 381 kilogram minyak masak terpakai telah berjaya dikumpul dalam Program Kitar Semula Minyak Masak MPS sempena sambutan Hari Guru, Hari Ibu dan Hari Jururawat yang diadakan pada 24 dan 25 Mei 2023. Kutipan minyak ini akan dijual kepada syarikat pemprosesan untuk dijadikan bahan bio-diesel selain digunakan untuk penghasilan lilin dan dijadikan cenderahati korporat.



JOM TEROKA SELAYANG

PROGRAM “Jom Teroka Selayang” melalui aktiviti “treasure hunt” telah berjaya menarik penyertaan sebanyak 48 buah pasukan. Majlis pelepasan pasukan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS.

Pasukan “Cuba Nasib Nak Menang” menerima wang tunai RM2000 selaku juara manakala pasukan “Marhaen Warrior” membawa pulang RM1500 sebagai naib juara. Tempat ketiga dimenangi pasukan “Ninja Warriors” yang menerima RM1000.

Majlis penyampaian hadiah telah dilakukan oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS. Turut sama dalam majlis ialah Tuan Haji Az’har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS, Ahli-ahli Majlis dan para pengarah MPS.



MAJLIS APRESIASI AHLI JAWATANKUASA TETAP HAL EHWAL WANITA & KELUARGA MPS

BAGI menghargai barisan AJK Tetap Hal Ehwal Wanita & Keluarga MPS, satu majlis apresiasi bertemakan Bollywood telah diadakan pada 16 Jun 2023 di Setia Eco Templer, Rawang. Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS berbesar hati menyampaikan sijil dan cenderahati kepada 40 orang ahli terlibat. Majlis turut dihadiri oleh Ketua-ketua WHIP, Ahli-ahli Majlis, para Pengarah dan wakil-wakil jabatan.



BERI DARAH SELAMATKAN NYAWA

KEMPEN Derma Darah telah dianjurkan oleh Dato' ANULAE Cawangan MPS dengan kerjasama Pusat Darah Negara pada 1 Ogos 2023 di Lobi Menara MPS. Puan Ruzaini binti Sohot selaku Pengerusi ANULAE Cawangan MPS telah meluangkan masa meninjau perjalanan kempen derma darah. Seramai 102 orang kakitangan MPS telah menyertai kempen ini.



MALAYSIA BERAKHLAK MULIA: PEMUDA MERDEKA, PEMIMPIN ABRAR

SERAMAI 100 orang kakitangan MPS telah mengimarahkan Program #QuranHour 2023 bertemakan "Malaysia Berakhlak Mulia: Pemuda Merdeka, Pemimpin Abrar" yang diadakan pada 30 Ogos 2023 di Surau MPS.

Turut diadakan sesi bacaan surah al-Fatiha, surah al-Insan dan surah al-Asr yang diketuai oleh Ustaz Md. Ghazali bin Ibrahim secara beramai-ramai bersama warga MPS. Hadir sama dalam program ini ialah YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS, Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS dan para pengarah MPS.





SALURAN PEMBAYARAN CUKAI TAKSIRAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

BULETIN



MyMPS
layari: mymps.mps.gov.my



PERBANKAN INTERNET



ATM (AUTO TELLER MACHINE)



MESIN DEPOSIT

TUNAI CEK
BANK ISLAM BANK ISLAM BSN

KAUNTER BANK



KAUNTER BAYARAN MPS

- Kiosk
- Kaunter pandu lalu
- Cawangan Rawang
- Cawangan Sri Gombak
- Cawangan Wangsa Permaisuri
- Kaunter Bergerak (Berjadual)

KAUNTER PEJABAT POS

Pejabat Pos Besar & seluruh Pejabat Pos Kuala Lumpur dan cawangan Pejabat Pos Terpilih di Negeri Selangor

MESIN PAYQUIK KIOSK

Terdapat di Ibu Pejabat MPS, serta Pasaraya-Pasaraya terkemuka

JOMPAY



Biller Code:
3103

APLIKASI



E-wallet, FPX, Kad Kredit

Sebarang maklumat lanjut sila hubungi Jabatan Perbendaharaan di talian: 03-6126 5966 / 5961 / 5963 / 5964



www.mps.gov.my

MAMPAH • PROGRESIF • SEJAHTERA 19



mpselayang

OPERASI**RESTORAN ABAI KEBERSIHAN DIKOMPAUN****HOTEL BAJET TANPA LESEN DIARAH TUTUP**

MAJLIS Perbandaran Selayang telah menjalankan pemeriksaan ke atas dua hotel bajet pada 14 Jun 2023 di Desa Aman Puri, Kepong. Hasil pemeriksaan mendapati kedua-dua hotel tidak mempunyai lesen perniagaan dan diarahkan tutup serta-merta. Sebanyak sembilan kompaun, empat notis dan tiga sitaan dikeluarkan dalam

operasi yang diketuai oleh Tuan Ahmad Faisal bin Badiuzaman, Pengarah Jabatan Pengawalkuasaan dan Keselamatan MPS. Seramai 28 anggota penguat kuasa dan 21 pegawai daripada jabatan dalaman MPS turut serta dalam operasi yang melibatkan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Daerah dan Tanah Gombak (PDTG).



AKIBAT mengabaikan aspek kebersihan dan pematuhan, empat buah restoran dikenakan kompaun berjumlah RM500 dalam pemeriksaan yang dilakukan pada 20 Jun 2023 di sekitar Kampung Bendahara dan Jalan Sungai Tua. Antara kesalahan yang dilakukan adalah seperti tidak memakai topi dan apron, tiada suntikan tifoid, tiada lesen perniagaan dan kesalahan pelepasan efluen. Pemeriksaan yang dijalankan adalah untuk memastikan aspek kebersihan dan pematuhan oleh pengusaha-pengusaha restoran di bawah pentadbiran Selayang.

**KILANG PROSES AYAM KOTOR DAN JIJIK DISERBU**

MAJLIS Perbandaran Selayang bertindak tegas menutup sebuah kilang memproses ayam di Jalan Sungai Bakau, Rawang kerana beroperasi tanpa lesen. Pemilik premis kilang pernah diberikan lesen sementara, namun dibatalkan kerana tidak mematuhi syarat-syarat ditetapkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) melalui notis yang dikeluarkan pada 8 Februari 2023.

Pelaksanaan operasi dibuat susulan aduan awam yang terganggu dengan pencemaran kawasan persekitaran di mana lokasinya berhampiran dengan rumah kediaman. Premis ini juga didapati membuang darah ayam dan air buangan terus ke dalam longkang.

Sebanyak empat kompaun, satu notis penutupan dan sitaan dikeluarkan selain pemotongan bekalan elektrik bagi melumpuhkan operasi kilang berkenaan.

**LORI SAMPAH HARAM DISITA**

PEMANTAUAN aktiviti pembuangan sampah haram telah dibuat oleh anggota Pengawalkuasaan dan Keselamatan MPS pada 23 Ogos 2023 di kawasan belakang Masjid Zakaria, Gombak. Sebuah lori yang membuang sampah haram telah ditahan dan disimpan di depoh sitaan. Tindakan sitaan dibuat di bawah Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah (MPS) 2007.



PROGRAM KEMBARA MEDIA PROMOSI GUA DAMAI

PROGRAM Kembara Media 2023 peringkat negeri Selangor anjuran Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) dengan kerjasama MPS telah diadakan pada 9 Mei 2023 di Dewan Orang Ramai Kampung Melayu Wira Damai, Gombak, Selangor. Seramai 22 orang pengamal media terlibat dalam program ini. Sesi Ramah Mesra Bersama Media telah disempurnakan oleh YB Tuan Borhan Aman Shah, Exco Pembangunan Luar Bandar dan Kampung Tradisi dan Adat Istiadat Melayu, Kebudayaan dan Warisan Negeri Selangor mewakili YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Program Kembara Media 2023 peringkat



negeri Selangor anjuran Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) dengan kerjasama MPS telah diadakan pada 9 Mei 2023 di Dewan Orang Ramai Kampung Melayu Wira Damai, Gombak, Selangor. Seramai 22 orang pengamal media terlibat dalam program ini. Sesi Ramah Mesra Bersama Media telah disempurnakan oleh YB Tuan Borhan Aman Shah, Exco Pembangunan Luar Bandar dan Kampung Tradisi dan Adat Istiadat Melayu, Kebudayaan dan Warisan Negeri Selangor mewakili YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.



MINI KARNIVAL JOM KERJA TAWAR 1000 JAWATAN KOSONG

MPS bersama PERKESO WPKL telah menganjurkan Mini Karnival Jom Kerja pada 17 Jun 2023 di Lobi Menara MPS. Terdapat lebih 1000 peluang pekerjaan yang ditawarkan pada program ini. Seramai lebih 500 peserta datang ke mini karnival yang turut dihadiri oleh Tuan Wan Anwar bin Wan Ibrahim, Tuan U Chin Ong, Tuan Haji Sulaiman bin Abu Samah, Ahli-ahli Majlis MPS dan TPr Affendei bin Samingen, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat.



PELANTIKAN JAWATANKUASA ANULAE CAWANGAN MPS SESI 2023-2026

MESYUARAT Agung Tri-Tahunan Kali ke-4 ANULAE Cawangan MPS bagi sesi 2023-2026 telah diadakan pada 19 Jun 2023 di Dewan Keraian, Menara MPS. Mesyuarat Agung ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS dan turut dihadiri oleh Tuan Norman bin Haji Taib, Setiausaha Agung ANULAE Semenanjung Malaysia mewakili YBhg. Dato' Haji Adnan bin Mat, Presiden CUEPACS dan Pengerusi ANULAE Semenanjung Malaysia. Sesi pemilihan dan pelantikan jawatankuasa baharu telah diadakan dalam kalangan 300 orang ahli yang hadir



“TUTUP BUKU LAMA, BUKA BUKU BARU”

SEMPENA sambutan Awal Muharam 1445 Hijrah, ANULAE Cawangan MPS dan Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS telah mengadakan majlis Bicara Ilmu pada 28 Julai 2023 di Dewan Keraian, Menara MPS. Dalam majlis ini, Ustaz Haji Zulhazwan bin Ismail telah menyampaikan ceramah bertajuk “Tutup Buku Lama, Buka Buku Baru”.



HARI PENGUAT KUASA MPS KE-41

SAMBUTAN Hari Penguat Kuasa MPS yang ke-41 telah diadakan dengan penuh protokol dan istiadat pada 7 Julai 2023 di Dataran MPS. Sambutan diadakan bagi memperingati penubuhan Jabatan Pengukuasaan dan Keselamatan MPS selama 41 tahun sejak tertubuhnya Majlis Daerah Gombak.

Acara perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS. Turut hadir dalam acara ini ialah Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS, Ahli-ahli Majlis dan para pengarah MPS.



BOLA SEPAK ERAT SILATURAHIM

PERLAWANAN persahabatan bola sepak antara MPS dengan Media Prima Omnia telah diadakan pada 19 Ogos 2023 di Stadium MPS. Kedua-dua pasukan diketuai oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS dan Tuan Shanaz Azali, Pengurus Besar Media Prima Omnia.

Keputusan perlawanan berkesudahan dengan pasukan MPS berjaya mengalahkan pasukan Media Prima Omnia menerusi jaringan 4-0. Seramai 200 orang hadir memberi sokongan termasuk YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS, Tuan Mohd Anis Abdullah, Pengurus Media Prima Omnia, Ahli-ahli Majlis dan para pengarah MPS.



PENYERAHAN BENDERA SUKANUN MPS

SEBAGAI tanda sokongan kepada atlet MPS yang akan bertanding pada Karnival Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN) 2023, satu Majlis Penyerahan Bendera kepada Kontijen Sukan MPS telah diadakan pada 30 Ogos 2023 di Lobi Menara MPS.

Acara penyerahan bendera telah dilakukan oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS. Seramai 45 atlet MPS akan menyertai SUKANUN ke-12 yang bakal berlangsung pada 3 hingga 10 September 2023 di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Perlis.



SESI KECERGASAN ATLET MPS BERSAMA TYDP MPS

SESI kecerdasan atlet MPS bersama Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS telah diadakan pada 26 Julai 2023 di Stadium MPS. Aktiviti kecerdasan yang dilakukan adalah untuk meningkatkan prestasi fizikal 45 atlet MPS yang akan menyertai Karnival Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN) 2023.



PELANCARAN KARNIVAL SUKAN ANTARA JABATAN MPS 2023

KELAB Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS akan menganjurkan Karnival Sukan Antara Jabatan MPS 2023. Majlis pelancarannya telah diadakan semasa Majlis Perhimpunan Bulanan MPS pada 15 Ogos 2023 di Dataran MPS. Sebagai simbolik pelancaran, Encik Mohd Zikry bin Zulkifle, Presiden KSDK MPS telah menyerahkan piala pusingan kepada YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS. Karnival sukan yang berlangsung bermula Ogos hingga Disember 2023 ini akan mempertandingkan sembilan acara sukan.

